

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 26/8 / 2008

## Tidak mustahil wanita jadi PM

UM - 26/8/2008

JOHOR BAHRU 25 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tidak mustahil Malaysia bakal diterajui oleh wanita suatu hari nanti memandangkan peranan golongan itu dalam pembangunan negara semakin menyerlah.

Perdana Menteri berkata, melihat kepada kejayaan yang dicapai oleh wanita pada masa sekarang, peranan golongan itu terbukti begitu hebat.

"Kalau saya tengok perkembangan wanita sekarang yang begitu hebat dan bertambah hebat, bukanlah suatu perkara yang mustahil. Mungkin kita lihat suatu hari nanti wanita menjadi Perdana Menteri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan sambutan Hari Wanita yang bertema 'Wanita Penjana Ekonomi Negara' di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada di sini hari ini.

Abdullah seterusnya berkata, beliau sepatutnya berada di Permatang Pauh, Pulau Pinang pada hari terakhir sempena pilihan raya kecil kawasan Parlimen berkenaan hari ini.

Namun, katanya, kerana menghargai sumbangan besar golongan wanita kepada negara, beliau tetap mahu bersama lebih 5,000 wanita yang menyertai sambutan berkenaan.

Beliau memberitahu, setiap tahun kejayaan wanita semakin bertambah dan banyak projek dikendalikan oleh golongan itu berbanding dahulu.

"Tema Hari Wanita yang dipilih tahun ini tepat sekali iaitu 'Wanita Penjana Ekonomi Negara' kerana peranan mereka telah terbukti selama ini," ujar beliau.

Menurutnya, kejayaan wanita masa kini menjadi inspirasi kepada generasi muda yang dahulunya jarang dilihat.

"Sudah terbukti sekarang yang wanita memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara.

"Lihat sahaja Gabenor Bank Negara diterajui oleh seorang wanita, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz dan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti (SC), Datuk Zarinah Anwar," katanya.

Ujarnya, jika dibanding dengan dahulu, jarang wanita hadir dalam mesyuarat penting berbanding sekarang, namun kini baik di agensi kerajaan atau swasta, golongan berkenaan yang tampil untuk berbincang dan memberikan pendapat.

"Ini membuktikan yang kerajaan sentiasa memberi laluan kepada kaum hawa untuk mencapai kejayaan dalam kerjaya tanpa sekatan," katanya.